



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### PROGRAM WALKABOUT SANTAI YB MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA KOPERASI KOMUNITI *FOOD TRUCK* MALAYSIA BERHAD (*MALAYSIA FOOD TRUCKS*)

---

**12 November 2021, Kuala Lumpur** – Makanan merupakan satu aspek yang penting dalam mengukuhkan jalinan sosial antara etnik di Malaysia. Kesepaduan sosial yang terbina melalui aspek kepelbagaian menu dari berlainan etnik ini dapat menyemai rasa hormat dan semangat kekitaan.

2. Mutakhir ini destinasi tumpuan orang ramai menikmati makanan tidak lagi tertumpu di premis-premis makanan yang konvensional sahaja tetapi kini *food truck* juga menjadi alternatif utama pilihan Keluarga Malaysia. Kewujudan beberapa lokasi atau *hotspot food truck* telah menjadi sebahagian daripada landskap yang menarik untuk dikunjungi khususnya di bandar-bandar. LaPark merupakan salah satu *hotspot* yang menghimpunkan lebih 30 usahawan *food truck* yang menyediakan pelbagai menu masyarakat majmuk Malaysia sejak mula beroperasi pada September 2021. Pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dianggarkan mencecah 20,000 orang dalam tempoh sebulan dan LaPark menjadi tumpuan warga kota terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

3. Aspirasi penyatupaduan rakyat Malaysia yang merentasi kaum, bangsa, adat dan agama kini diperluaskan lagi oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui kempen Citarasa Keluarga Malaysia. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique menerusi konsep *foodunites* telah melancarkan program *Walkabout Santai* bersama Koperasi Komuniti Food Truck Malaysia Berhad (*Malaysia Food Trucks*) di tapak Lapark, Jalan Conlay, Kuala Lumpur telah mempergiatkan lagi promosi kempen ini dengan melancarkan Direktori Menu Rakyat RM5 Citarasa Keluarga Malaysia bagi pengunjung menikmati pelbagai pilihan makanan harga patut bersama keluarga.

4. YB Menteri Perpaduan Negara pada masa yang sama turut menyampaikan 30 momento, apron, *bandana* dan *beach flag* kepada para usahawan *food truck* di LaPark sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada mereka yang turut sama-sama berganding bahu mendukung aspirasi perpaduan Keluarga Malaysia. Turut hadir bersama YB Menteri Perpaduan Negara pada sesi ini adalah Puan Ema Shahira Hussin, Ahli Lembaga Koperasi Komuniti Food Truck Malaysia Berhad dan Encik Mohd Izzuddin Mohd Halimi, Pengarah Urusan My Halyati Sdn. Bhd. serta barisan kepimpinan kelab, persatuan pengusaha *food truck* dari seluruh negara.

5. “Konsep foodunites yang diketengahkan oleh Kementerian merupakan salah satu platform penyatupaduan yang sangat dekat di hati Keluarga Malaysia. Keharmonian rakyat yang sama-sama menikmati keunikan dan kepelbagaian citarasa Keluarga Malaysia ini haruslah dikekalkan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia” jelas YB Datuk Halimah.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

12 November 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (102)